


## Hubungi Kami



### Pusat Sumber & Pendidikan Kanser (CaRE)

Aras 7, Bangunan Makmal Blok A,  
Fakulti Perubatan & Sains  
Kesihatan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor

Tel: 1-800-22-2233 / 03-89472787  
Faks: 03-89472706  
Laman web: [www.care.upm.edu.my](http://www.care.upm.edu.my)  
Facebook: CaRE UPM

## Pengenalan

Sukarelawan merupakan nadi penggerak bagi setiap program dan merupakan agen atau medium terbaik untuk mengembangkan peranan dan perkhidmatan CaRE kepada masyarakat.

Program sukarelawan akan memastikan setiap perkhidmatan CaRE dapat disalurkan dengan lebih cekap dan berkesan.

Program sukarelawan ini terbuka kepada semua individu dan akan dikategorikan mengikut kategori yang disediakan. Tiada sebarang syarat dikenakan untuk pendaftaran dan penarikan diri sebagai sukarelawan.

## Objektif


1. Menjayakan pelaksanaan program dan aktiviti CaRE
2. Menyebarluaskan perkhidmatan CaRE kepada komuniti
3. Meluaskan jaringan kerjasama CaRE dengan industri
4. Membudayakan penerapan amalan gaya hidup sihat dan pencegahan kanser dalam kalangan sukarelawan
5. Menyediakan platform terbaik untuk para sukarelawan meraih ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan dan mendekati masyarakat secara amnya dan pesakit kanser secara khususnya.



**CaRE**

# PROGRAM SUKARELAWAN

## PUSAT SUMBER & PENDIDIKAN KANSER (CaRE)



*'Memperkasakan Kesukarelawan  
Ke Arah Kecemerlangan'*

## Contoh Aktiviti Sukarelawan

### Sukarelawan Profesional



### Sukarelawan Survivor



### Sukarelawan Siswa



## Peranan Sukarelawan

### Takrifan Sukarelawan:

Seorang individu yang mempunyai minat dan terlibat dalam sesuatu kegiatan secara sukarela.

### Sukarelawan CaRE boleh memberi sumbangan dalam pelaksanaan aktiviti berikut:

- ◆ Petugas program kesedaran kanser CaRE
- ◆ Petugas program pendidikan cara hidup sihat CARE
- ◆ Petugas program saringan kesihatan & pengesanan awal kanser
- ◆ Petugas Pusat Sumber Kanser
- ◆ Urusetia program pendidikan CaRE
- ◆ Penceramah/ konsultan program pendidikan CaRE
- ◆ Reka bentuk, terjemahan dan penghasilan bahan pendidikan (buku, brosur & poster)
- ◆ Pembangunan pangkalan data & kemahiran IT/ multimedia
- ◆ Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh CaRE dari semasa ke semasa.

**Borang pendaftaran boleh dimuat turun di lawan web CaRE ([www.care.upm.edu.my](http://www.care.upm.edu.my))**

Untuk keterangan dan maklumat lanjut,  
sila hubungi:

**Puan Nurfaizah Saibul:**

Tel: 03-89471011

Email: [nurfaizah.care@gmail.com](mailto:nurfaizah.care@gmail.com)

**Cik Syarifah Zulikha:**

Tel: 03-89471011

Email: [syarifahzulikha.sn@gmail.com](mailto:syarifahzulikha.sn@gmail.com)

## Kategori Sukarelawan

1. Sukarelawan Survivor
2. Sukarelawan Profesional
3. Sukarelawan Pelajar/ Siswa
4. Sukarelawan Awam

## Kelebihan Menjadi Sukarelawan

### Sukarelawan akan memperoleh manfaat berikut:

- Ilmu, kemahiran intrapersonal/ interpersonal dan pengalaman tentang pengurusan penyakit kanser dan amalan gaya hidup sihat.
- Platform pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan sahsiah.
- Sosialisasi dan kemasyarakatan.
- Melatih individu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas, jujur dan amanah.
- Penerapan dan pembudayaan amalan gaya hidup sihat dalam diri, keluarga dan organisasi.
- Penghargaan daripada CaRE berdasarkan kriteria tertentu.

